

## PUJIAN DALAM KRITIKAN: ANALISIS BENTUK DAN STRATEGI KESANTUNAN

### COMPLIMENT IN CRITICISM: AN ANALYSIS OF FORM AND POLITENESS STRATEGIES

Nasihah Hashim<sup>1</sup>  
Ainal Akmar Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, [h.nasihah@uum.edu.my](mailto:h.nasihah@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, [ainal@uum.edu.my](mailto:ainal@uum.edu.my)

**Accepted date:** 30 October 2017

**Published date:** 27 March 2018

**To cite this document:** Hashim, N., & Ahmad, A. A. (2018). Pujian Dalam Kritikan: Analisis Bentuk Dan Strategi Kesantunan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(8), 78-90.

#### **Abstrak**

*Memberi kritikan sememangnya sukar untuk dilaksanakan dengan baik, berkesan dan santun. Kritikan terhasil daripada pengamatan, pentafsiran dan penilaian yang teliti terhadap sesuatu yang dilihat, didengar dan dianalisis. Kritikan sewajarnya, mengandungi penilaian positif dan penilaian negatif. Memberi pujian merupakan salah satu penilaian positif yang lazim diujarkan oleh pengkritik dalam sesuatu kritikan. Pujian hendaklah disampaikan dengan menggunakan kata-kata yang jelas, tepat, sesuai dan santun agar dapat mengekalkan keharmonian komunikasi yang sedang berlangsung. Sesuatu ujaran pujian diujarkan dalam kritikan untuk menzahirkan penghargaan dan kekaguman terhadap keistimewaan, kebolehan dan kekuatan yang dimiliki oleh individu yang dikritik. Pujian boleh diujarkan sama ada dalam bentuk eksplisit mahu pun implisit. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan analisis bentuk dan strategi kesantunan ujaran pujian dalam kritikan juri profesional rancangan realiti televisyen. Analisis dijalankan berdasarkan kerangka pujian Holmes (1986) dan kerangka kesantunan Brown dan Levinson (1987). Hasil kajian mendapati bahawa ujaran pujian yang diujarkan oleh juri menepati ciri-ciri pujian eksplisit dan implisit. Pujian-pujian ekplisit tersebut didapati mengaplikasikan strategi kesantunan berekod tanpa penyesuaian, iaitu strategi kesantunan langsung. Manakala bagi pujian implisit pula mengaplikasikan strategi kesantunan tanpa rekod.*

**Kata Kunci:** Kritikan; Pujian; Kesantunan; Menjaga Air Muka; Bebas Konflik

#### **Abstract**

*Giving critiques is definitely hard to be done in a good, effective and a polite manner. Criticism is formed based on the meticulous observation, interpretation and the analysis on a matter that is seen, heard or analysed. Criticism should consist both positive and negative evaluations accordingly. Giving compliment is a form of positive evaluation that is commonly expressed by critiques in criticism. Compliments should be delivered using clear, accurate, appropriate and*

*polite words to preserve the harmony of ongoing communication. An expression of compliment is conveyed in criticisms to express appreciation and admiration for the specialities, abilities and strengths of criticized individuals. Compliments could be expressed either in explicit or implicit form. Therefore, this paper will discuss the analysis of the form and politeness strategy of compliments in the criticism of the professional jury of television reality show. The analysis is conducted using the framework of compliments by Holmes (1986) and politeness by Brown and Levinson (1987). The findings of the research found that the compliments given by the juries are in line with the characteristics of explicit and implicit compliments. These explicit compliments were found to apply on record politeness strategy without adaptation, which is direct politeness strategy. Meanwhile, the implicit compliments apply off record politeness strategy.*

**Key Words:** *Critiques; Compliment; Politeness; Give Face; Conflict-free*

---

## **Pendahuluan**

Pemilihan kosa kata yang tepat, santun, bernas, singkat dan jelas sangat dititikberatkan ketika berbicara dalam sesuatu komunikasi agar mudah difahami dan tidak menimbulkan kesalahfahaman serta perselisihan. Situasi ini dapat menzahirkan kesantunan penutur ketika berinteraksi seterusnya mewujudkan situasi komunikasi yang bebas konflik. Begitu juga halnya dalam memberi pujian. Memberi pujian merupakan salah satu tindakan yang perlu menerapkan prinsip-prinsip kesantunan berbahasa agar tidak menimbulkan rasa tidak selesa terhadap orang yang menerima pujian. Pujian merupakan pengakuan, pengiktirafan dan penghargaan yang tulus akan kebaikan, keistimewaan dan kelebihan sesuatu yang dilihat dan diamati. Pujian semestinya mencetuskan kegembiraan kerana kata-kata pujian mengandungi makna-makna positif berbeza pula dengan celaan yang boleh menimbulkan kekecewaan. Memberi pujian juga merupakan suatu tindakan memberi pengiktirafan yang sememangnya amat diperlukan pada diri setiap manusia dalam kehidupannya. Menurut Herzberg (1974), tiap-tiap diri manusia sangat memerlukan pengiktirafan. Pengiktirafan boleh dilakukan dengan melafazkan kata-kata pujian. Kata-kata pujian pula mampu menaikkan semangat individu yang menerimanya.

Semasa memberi pujian, tentunya tidak hanya pilihan kata yang menjadi perhatian penutur, malah harus mengambil kira muka atau air muka peserta tutur yang terlibat dalam peristiwa komunikasi tersebut. Menurut Brown dan Levinson (1987) strategi kesantunan perlu digunakan oleh penutur untuk menghindari tindakan ancaman muka yang disebut dengan FTA (*Face Threatening Act*) terhadap peserta tutur. Brown dan Levinson (1987) mentafsirkan pujian sebagai penyampaian keperluan dan kekaguman penutur terhadap matlamat atau benda yang dimiliki oleh seseorang. Melalui tindakan memberi pujian, seseorang individu akan diterima sebagai ahli bagi sesuatu kelompok penutur yang tertentu. Sementara bagi Wolfson (1983), Holmes (1986), Wierzbicka (1987) dan Herbert (1990&1997) telah menyimpulkan definisi pujian kepada dua kriteria, iaitu pertama, pujian merupakan suatu pernyataan kekaguman dan penghargaan yang diujarkan oleh penutur, dan kedua kekaguman ditujukan ke atas pemilikan harta benda, pencapaian atau prestasi dan perwatakan atau ciri-ciri personaliti oleh penerima pujian.

Sehubungan itu, pemilihan dan penggunaan kata-kata pujian yang jelas, tepat dan sempurna ketika memberi pujian haruslah dititikberatkan. Di samping itu, pengujaran kata-kata pujian yang bersesuaian dengan konteks tertentu bukan sahaja dapat menunjukkan kesantunan bahasa, malah dapat mengelak daripada menyinggung perasaan orang lain. Malah, pengungkapan

pujian dengan kata-kata yang manis dan positif dalam kritikan juga bukan hanya dapat mewujudkan komunikasi yang harmonis tetapi secara tidak langsung dapat memperlihatkan keindahan bahasa dalam sesuatu komunikasi. Hal ini dijelaskan oleh Hashim Musa (2008) bahawa keindahan dalam bahasa dapat dizahirkan dalam pertuturan dan pengungkapan yang manis, sopan, positif, bijaksana, bernas, benar dan penuh pengajaran serta memberi sumbangan kepada khalayak dan pendengarnya. Oleh yang demikian, makalah ini akan memberi gambaran mengenai tindakan memberi pujian eksplisit oleh juri dalam kritikan yang mengutamakan elemen kesantunan sebagai salah satu kajian memberi pujian dari sudut pelbagai konteks penggunaan. Perbincangan merangkumi bentuk ujaran pujian eksplisit dan kata-kata pujian yang dimanfaatkan oleh juri serta strategi kesantunan yang digunakan.

### **Sorotan Karya**

Kajian dan penelitian berkaitan pujian dalam pelbagai bahasa telah banyak dilakukan oleh pengkaji luar negara dan dalam negara seperti Wolfson (1983), Holmes (1986), Wierzbicka (1987), Brown dan Levinson (1987), Lewandowske-Tomszacyk (1989), Herbert (1991), Ye (1995), Zhang (2007) Akmar Mohamad (2000), Rusli Ahmad dan Abang Ishar Abang Yaman (2010) dan Rita Susanti dan Maduma Siregar (2010). Walau bagaimanapun kajian di luar negara oleh pengkaji-pengkaji barat berkaitan pujian lebih menyerlah berbanding kajian dalam negara. Para pengkaji terdahulu telah berjaya mendefinisi, mengkategorikan dan mengumpul contoh-contoh pujian daripada pelbagai interaksi dan konteks dalam kehidupan seharian. Kemudiannya, data-data yang dikumpul tersebut dikaji dan dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif.

Wolfson (1983), Holmes (1986), Wierzbicka (1987) dan Brown dan Levinson (1987) telah mengkaji pujian dalam kalangan penutur bahasa Inggeris. Wolfson (1983) mendapati bahawa penampilan wanita selalu menjadi tumpuan dan dipuji dalam masyarakat Amerika syarikat tanpa mengira umur, status sosial dan pekerjaan. Hasil kajian Wolfson (1983) juga mendapati bahawa kata adverba *well* paling lazim digunakan dalam pujian dan perkataan *nice, good, pretty, beautiful* dan *great* adalah lima penilaian positif bersifat adjektif yang paling kerap digunakan. Sementara Brown dan Levinson (1987) pula dalam kajiannya mengatakan bahawa memberi pujian dianggap sebagai tingkah laku yang mengancam air muka individu dalam konteks tertentu. Hal ini kerana penutur bertindak memuji kerana cemburu atau iri hati dan tingkah laku memuji semata-mata untuk menyindir dan mengejek. Hasil kajian ini bertentangan dengan fungsi asal pujian yang mengurangkan kesan negatif ancaman air muka dan mengangkat air muka individu lain.

Kajian Holmes (1986), pula telah mendefinisikan pujian sebagai suatu pernyataan atau penghargaan yang ditutur secara eksplisit mahupun implisit terhadap individu tertentu. Penghargaan disampaikan untuk menyatakan kebaikan seperti pemilikan, kemahiran, persoanaliti dan sebagainya yang dinilai secara positif oleh pemberi dan penerima pujian. Dapatan kajian Holmes (1986) juga menunjukkan bahawa terdapat dua bentuk pujian dalam sesuatu interaksi, iaitu pujian eksplisit dan pujian implisit. Lewandowske-Tomszacyk (1989), Herbert (1991) pula mengkaji pujian dalam kalangan penutur bahasa Poland.

Manakala kajian pujian dalam kalangan budaya Cina pula telah dikaji oleh Ye (1995), Zhang (2007). Kajian Ye (1995) dan Zhang (2007) telah membuktikan bahawa kata-kata pujian memiliki pelbagai fungsi dalam budaya Cina yang berbeza dengan barat. Budaya Cina mengiktiraf tindakan memberi pujian untuk membuatkan seseorang berasa baik (*feel good*), menghargai dan memperalatkan orang lain. Ye (1995) telah mengkaji strategi pujian dan respon

pujian dalam kalangan penutur bahasa Cina. Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan soal selidik, iaitu *Discourse Complextion Test* untuk mengumpul data-data kajian. Hasil kajian Ye (1995) menunjukkan bahawa kaum wanita lebih ketara menyampaikan pujian secara eksplisit dan implisit, manakala kaum lelaki lebih cenderung tidak memberikan pujian dan respon. Sementara kajian Zhang (2007) pula telah mengkaji serta mengklasifikasi semula definisi pujian dalam bahasa Cina. Kajian ini telah mengumpul contoh kata-kata pujian dalam bahasa Cina daripada 17 buah filem. Dapatan kajian ini merumuskan bahawa wujud perbezaan yang ketara antara lelaki dan wanita dalam melaksanakan tindakan memberi pujian.

Selain kajian pujian dalam kalangan penutur bahasa Inggeris, Poland dan Cina, pujian dalam kalangan penutur bahasa Melayu juga menjadi tumpuan kajian pengkaji. Antaranya ialah kajian Akmar Mohamad (2000) dan Rusli Ahmad dan Abang Ishar Abang Yaman (2010). Akmar Mohamad (2000), mengkaji tentang pujian dalam kalangan penutur bahasa Melayu dengan menggunakan suatu korpus yang mempunyai 240 pujian. Hasil kajian ini mendapati bahawa pujian dalam bahasa Melayu berformula sifatnya dan selaras dengan sebilangan kecil pola yang dapat dikenal pasti dengan mudah. Terdapat dua bentuk pola sintaksis pujian yang telah dikenal pasti, iaitu pujian yang telah distrukturkan dalam bentuk soalan seperti ‘ada apa hal lawa sangat hari ini?’ dan pujian tidak langsung seperti ‘macam inilah baru kena!’.

Rusli Ahmad dan Abang Ishar Abang Yaman (2010) pula telah menfokuskan kajiannya kepada kata-kata pujian dan pengaruhnya terhadap prestasi akademik pelajar. Kajian ini menyimpulkan bahawa kata-kata pujian yang dilafazkan memberi kesan yang sangat besar dari aspek kejiwaan dan semangat belajar. Di samping itu, semua kata-kata pujian yang mengandungi makna-makna positif yang dilafazkan dengan penuh ikhlas oleh ibu bapa dan guru terhadap anak-anak mengandungi unsur-unsur spiritual serta menjadi doa yang sangat makbul. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu mengenai perlakuan memberi pujian yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji jelas membuktikan bahawa pujian mempunyai tafsiran, fungsi dan bentuk yang berbeza-beza mengikut konteks penggunaannya, penutur dan bahasa pengungkapannya.

### **Penyataan Masalah**

Kajian-kajian terhadap tindakan memberi pujian telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Walaupun begitu, sebagaimana yang dinyatakan oleh Herbert (1997), keperluan dan kepentingan menganalisis pujian dalam pelbagai konteks haruslah diutamakan dan dilestarikan. Sehubungan itu, kajian lanjutan yang dijalankan secara empirikal dan sistematik amat diperlukan untuk mendapatkan gambaran terhadap tindakan memberi pujian di kalangan penutur bahasa Melayu dalam konteks yang pelbagai. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memberi gambaran strategi kesantunan tindakan memberi pujian yang diaplikasikan oleh juri dalam kritikan rancangan realiti televisyen.

Berdasarkan penelitian, kajian-kajian terdahulu mengenai tindakan memberi pujian juga didapati tidak memfokuskan kepada strategi kesantunan ujaran pujian dalam kritikan oleh pengkaji. Kritikan sememangnya sukar untuk diujarkan kerana dikhuatiri akan menyinggung perasaan orang yang menerima kritikan.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- 1) mengenal pasti bentuk dan topik ujaran pujian dalam kritikan juri profesional
- 2) menganalisis strategi kesantunan ujaran pujian oleh juri dalam kritikan.

## Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Sumber data diperoleh daripada ujaran-ujaran pujian dalam kritikan juri profesional di rancangan *Mentor TV3*. Hanya tiga siri *Mentor* diambil oleh pengkaji untuk dianalisis, iaitu *Mentor musim pertama (M1)*, *Mentor musim kedua (M2)* dan *Mentor musim kelima (M5)*. Oleh kerana data merupakan ujaran lisan yang diperoleh daripada rancangan televisyen, maka data-data dikumpul dengan cara merakam, menonton, mendengar, mentranskripsi dan menganalisis kandungan. Analisis bentuk-bentuk ujaran pujian dijalankan berlandaskan kepada kerangka pujian Holmes (1986). Holmes (1986) mengkategorikan pujian kepada dua bentuk, iaitu pujian eksplisit dan pujian implisit. Pujian eksplisit merupakan sesuatu tindakan pertuturan yang bernilai positif dan diujarkan oleh penutur secara langsung kepada pendengar dalam sesuatu interaksi. Secara umumnya, pujian eksplisit mudah dikenal pasti kerana mengandungi kata kerja, kata adjektif atau kata adverba yang positif. Manakala pujian implisit pula merupakan tindakan pertuturan yang bernilai positif tetapi dituturkan secara tidak langsung. Pujian implisit berbeza dengan pujian eksplisit kerana pujian ini hanya dapat dikenal pasti berpandukan sesuatu konteks atau nilai-nilai sesuatu budaya.

Sementara analisis strategi kesantunan dijalankan berpandukan kepada kerangka kesantunan Brown dan Levinson (1987). Brown dan Levinson (1987) menjelaskan bahawa ketika berkomunikasi penutur akan sentiasa berusaha menjaga 'muka' lawan tuturnya sebagai tanda hormat dan mengelakkan konflik. Adab menjaga dan memelihara muka seseorang dalam interaksi merupakan unsur utama dalam kesantunan. Daripada konsep muka dan kepentingan menjaga muka, Brown dan Levinson (1978&1987) telah membentuk model kesantunannya yang menggariskan lima strategi kesantunan tindakan ancaman muka, iaitu 1)strategi berekod tanpa penyesuaian (*baldly on record*); 2)strategi berekod dengan kesantunan positif (*on record with positive politeness*); 3)strategi berekod dengan kesantunan negatif (*on record with negative politeness*); 4)strategi tanpa rekod (*off record*); dan 5)tidak melakukan tindakan ancaman muka.

Menurut Brown dan Levinson(1987) strategi berekod merupakan strategi tindakan ancaman muka secara langsung atau terang-terangan yang menunjukkan berlakunya sesuatu lakuan bahasa. Strategi ini boleh berlaku sama ada tanpa penyesuaian atau dengan kesantunan positif atau kesantunan negatif. Strategi berekod tanpa penyesuaian (BTP) dikatakan sebagai strategi yang jelas, telus, ringkas dan tidak kabur. Strategi berekod dengan kesantunan positif (KP) pula merupakan ujaran yang mengandungi maksud bahawa muka positif pendengar diutamakan dan kehendak muka penutur dan pendengar mempunyai kesamaan (Noriati Abd.Rashid, 2005). Strategi-strategi ujaran yang digunakan menunjukkan kedekatan, keakraban, dan penghargaan antara penutur dan pendengar. Sedangkan strategi berekod dengan penyesuaian kesantunan negatif (KN) adalah strategi yang menunjukkan jarak sosial antara penutur dan pendengar. Kedua, strategi KN, iaitu strategi menyelamatkan muka negatif pendengar untuk mempertahankan kebebasan bertindak lawan tutur. Dalam melakukan strategi ini, penutur mengakui dan menghormati muka negatif lawan tuturnya. Sekiranya ancaman air muka tetap berlaku, tetapi tidak keterlaluan, maka Brown dan Levinson (1987) mencadangkan strategi tanpa rekod (TR). Strategi ini merupakan strategi melakukan tindakan ancaman muka secara tidak langsung dengan membiarkan lawan tutur memutuskan bagaimana menafsirkan tuturan penutur. Walaupun teori ini merupakan teori yang popular dalam kajian strategi lakuan bahasa, dan menerima banyak kritikan, namun begitu teori ini tetap menjadi pilihan ramai pengkaji kerana perspektif Brown dan Levinson (1987) dianggap yang paling asas dan sesuai untuk

membantu para pengkaji mengungkapkan strategi pertuturan yang melibatkan sesuatu tindakan yang mengancam muka (Marlyna Maros, 2006).

### ***Analisis Bentuk Pujian Juri dalam Kritikan***

Hasil kajian memaparkan bahawa ujaran-ujaran pujian oleh juri profesional dalam rancangan *Mentor TV3* menepati ciri-ciri dua bentuk pujian yang dikemukakan oleh Holmes (1986), iaitu pujian eksplisit dan pujian implisit. Walau bagaimanapun, pujian eksplisit didapati lebih cenderung digunakan oleh juri. Holmes (1986) menjelaskan bahawa pujian eksplisit merupakan penilaian positif yang diujarkan oleh penutur secara langsung atau tersurat kepada pendengar dalam interaksi yang sedang berlangsung. Lazimnya pujian berbentuk eksplisit ini digunakan oleh peserta tutur yang saling mengenali, akrab serta saling memahami akan tanggungjawab penutur menggunakan bentuk ini dalam pertuturan. Sehubungan itu, penutur akan menyampaikan pertuturannya tanpa sebarang keraguan. Manakala pujian implisit pula ialah penilaian positif penutur yang diujarkan secara tidak langsung atau tersirat dan hanya dapat dikenal pasti berpandukan konteks atau nilai sesuatu budaya.

### ***Pujian Ekplisit***

Ujaran pujian eksplisit merujuk kepada ujaran juri yang menyanjung kebaikan, kelebihan dan keistimewaan perwatakan, peri laku dan kebolehan atau prestasi peserta hasil daripada pemerhatian dan penilaian yang dijalankan dan diujarkan secara langsung kepada pendengar. Ujaran-ujaran memberi pujian tersebut mempunyai ciri-ciri ujaran yang informatif, jelas, ringkas dan mudah difahami. Analisis data menunjukkan bahawa ujaran pujian eksplisit dikenal pasti melalui penggunaan perkataan-perkataan atau ungkapan-ungkapan tertentu yang memberi ciri positif. Analisis ini bersesuaian dengan hasil kajian Herbert (1997) dan Ye (1995) bahawa pujian eksplisit dapat dikenal pasti melalui kewujudan sekurang-kurangnya satu perkataan yang memberi ciri positif mengenai sesuatu perkara yang dipuji. Lazimnya golongan kata yang digunakan ialah kata adjektif, kata kerja dan kata adverba. Berdasarkan analisis yang dijalankan, juri profesional dalam rancangan *Mentor TV3* lebih cenderung mengaplikasikan kata adjektif yang membawa makna positif dalam pujian mereka berbanding kata kerja dan kata adverba. Hasil kajian ini selaras dengan penemuan Wolfson (1983) dalam kajiannya yang mendapati bahawa kata adjektif paling kerap digunakan oleh penutur ketika memberi pujian. Jadual 1 berikut memaparkan contoh ujaran pujian eksplisit oleh juri.

**Jadual 1: Ujaran Pujian Eksplisit Oleh Juri**

<b>Bil</b>	<b>Ujaran</b>	<b>Kata pujian</b>
1	Persembahan baik seperti biasa.	baik
2	Lagu baru kamu ni sedap.	sedap
3	Suara yang kuat dan mantap.	kuat, mantap
4	Saya terhibur dengan persembahan awak.	terhibur
5	Kamu banyak <i>improved</i> .	<i>improved</i>
6	Awak nyanyi dengan penuh semangat	penuh semangat
7	Seorang penyanyi yang menyanyi penuh <i>confidents</i>	penuh <i>confidents</i>

Jadual 1 di atas memaparkan contoh ujaran pujian eksplisit juri yang mengaplikasikan kata adjektif, kata kerja dan kata adverba yang memberi ciri positif kepada persembahan, lagu, prestasi, hak milik peribadi, penampilan, kebolehan dan perwatakan peserta yang dikritik. Contoh 1, 2 dan 3 memperlihatkan kewujudan kata pujian berbentuk kata adjektif ***baik***, ***sedap***, ***kuat*** dan ***mantap***. Kata ***baik*** digunakan untuk memberi ciri positif kepada persembahan peserta. Kata ***sedap*** pula digunakan untuk memberi ciri positif kepada lagu baru peserta. Manakala kata pujian ***kuat*** dan ***mantap*** merupakan kata adjektif yang memberi ciri positif kepada suara yang dimiliki peserta.

Sementara bagi contoh 4 dan 5, didapati juri mengaplikasikan kata pujian *terhibur* dan *improved* yang tergolong dalam golongan kata kerja. Kata kerja *terhibur* dan *improved* dalam ujaran tersebut memberi ciri positif kepada persembahan dan prestasi peserta. Manakala bagi contoh 6 dan 7, analisis mendapati juri mengaplikasikan kata pujian berbentuk kata adverba, iaitu penuh semangat dan penuh confidents. Kedua-dua kata adverba tersebut memberi ciri positif kepada cara menyanyi peserta yang terlibat.

### ***Pujian Implisit***

Pujian implisit mengikut Holmes (1986) merupakan pujian yang disampaikan secara tidak langsung. Nilai bagi pujian implisit tidak hanya sekadar melihat atau menganalisis perkataan-perkataan yang digunakan dalam ujaran tetapi diserlahkan dengan dalam erti kata yang memerlukan penjelasan dan maklumat lanjut daripada penutur. Dalam kajian ini, analisis data memperlihatkan ujaran-ujaran pujian juri kurang cenderung menepati ciri pujian implisit berbanding pujian eksplisit. Pujian implisit yang digunakan oleh juri bersifat ringkas, sangat minimalis dan umum. Hal ini menyebabkan pujian tersebut menjadi tersirat dan memerlukan penjelasan dan maklumat lanjut daripada penutur. Jadual 2 yang berikut memaparkan contoh pujian implisit yang terdapat dalam kritikan juri *Mentor TV3*.

**Jadual 2: Ujaran Pujian Implisit Oleh Juri**

<b>Bil</b>	<b>Ujaran</b>	<b>Kata pujian</b>
1	<b>Hebat, hebat!</b>	hebat
2	<b>Gempak!</b>	gempak
3	<i>The rest bagus.</i>	<i>bagus</i>
4	<b>Mantap!</b>	mantap
5	<b>Wow, terbaik!</b>	terbaik

Jadual 2 memaparkan 5 contoh ujaran pujian implisit yang digunakan oleh juri dalam kritikan rancangan *Mentor TV3*. Ujaran-ujaran tersebut sangat ringkas dan minimalis kerana mengandungi satu, dua dan tiga perkataan sahaja. Hal ini menyebabkan pujian ini bersifat implisit atau tidak langsung kerana terlalu umum. Pendengar perlu mendapatkan maklumat selanjutnya untuk mengetahui maksud pujian tersebut.

### ***Analisis Topik Pujian Juri Dalam Kritikan***

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati juri memberi pujian kepada peserta berkenaan dengan personaliti dan prestasi peserta. Pujian terhadap personaliti merujuk kepada ujaran pujian yang memberi ciri positif terhadap penampilan, ciri-ciri hak milik peribadi peserta serta sikap dan tingkah laku peserta yang ditunjukkan dalam persembahan mereka pada konsert pertandingan yang dinilai oleh juri. Sementara pujian terhadap prestasi melibatkan tahap pencapaian peserta serta keupayaan peserta untuk memperbaiki persembahan mereka.

### ***Pujian terhadap personaliti***

Personaliti ialah sifat dan sikap seseorang yang membentuk perwatakannya atau keperibadiannya. Dalam kajian ini, personaliti merujuk kepada sikap, tingkah laku, ciri-ciri peribadi yang dimiliki secara semula jadi seperti paras rupa, bentuk badan dan suara serta penampilan peserta yang ditunjukkan kepada penonton. Hasil kajian menunjukkan bahawa dari sudut personaliti, juri-juri dalam rancangan *Mentor TV3* memberi pujian kepada peserta dari segi pakaian, penampilan, suara, sikap, senyuman dan tenaga yang ditunjukkan oleh peserta. Analisis data menunjukkan terdapat pelbagai kata pujian yang digunakan oleh juri untuk memberi pujian terhadap personaliti peserta, iaitu **menarik, cantik, kuat, mantap, manis,**

penyakin, sedap, berani, baik, berat, lunak, comel dan sesuai. Terdapat juga kata-kata pujian yang terdiri daripada kata-kata bahasa Inggeris, iaitu *clear*, *sweet*, *good*, *great*, *weight* dan *best*. Penggunaan kata-kata pujian tersebut dalam ujaran kritikan dapat dilihat seperti berikut:

**Jadual 3: Ujaran Pujian terhadap Penampilan**

Bil	Ujaran	Kata pujian
1	<i>second song</i> cantik ya, saya rasa macam kat Arab	cantik
2	Eiya, penampilan begitu menarik.	menarik
3	Rizal memang comel atas <i>stage</i>	comel
4	Bila <i>you perform</i> tu, <i>you</i> tunjuk satu <i>confident</i> , <i>good</i> .	<i>good</i>
5	Kat, <i>you look great</i> , kamera, audiens suka anda.	<i>great</i>

Contoh-contoh ujaran pujian di atas menunjukkan bahawa kata-kata pujian **menarik**, **cantik**, **comel**, **good** dan **great** digunakan oleh juri untuk memberi pujian dari segi penampilan peserta. Aspek penampilan peserta dalam kajian ini meliputi aspek fizikal peserta yang boleh diamati dan dinilai oleh juri seperti imej diri peserta termasuklah pakaian, keyakinan di atas pentas, gerak laku seperti senyuman, cara berjalan dan sebagainya. Kata pujian **cantik** yang membawa makna elok, indah atau lawa dalam ujaran 1 memperlihatkan juri menyatakan keindahan gaya penampilan peserta dalam persembahannya yang dirasakan seperti di negeri Arab. Manakala kata pujian **menarik** dalam ujaran 2 dapat memberi gambaran bahawa persembahan dan penampilan peserta telah berjaya memikat hati juri. Perkataan **comel** pula yang ditemui dalam ujaran 3 digunakan oleh juri untuk memuji paras rupa peserta ketika berada di atas pentas. Oleh kerana laras bahasa yang digunakan oleh juri dalam memberikan kritikan ialah laras bahasa kolokial, maka terdapatnya percampuran bahasa Inggeris oleh juri ketika mengujarkan substrategi memuji secara terang-terangan. Perkataan-perkataan yang membawa makna ciri positif dan bermanfaat menjadi penanda tindakan memuji oleh juri telah diujarkan dengan menggunakan bahasa Inggeris seperti yang terdapat dalam ujaran 4. Perkataan **good** yang membawa maksud baik atau elok dalam ujaran 4 memperlihatkan juri menyampaikan kekagumannya terhadap penampilan peserta yang berkeyakinan. Manakala kata **great** dalam ujaran 5 pula digunakan oleh juri memperlihatkan kehebatan penampilan peserta dalam persembahan pada malam itu.

Berdasarkan analisis, didapati bahawa kata-kata pujian **cantik**, **kuat**, **mantap**, **manis**, **sedap**, **baik**, **berat**, **lunak**, **clear**, **sweet**, dan **weight** digunakan oleh juri untuk memberi pujian dari aspek suara yang dimiliki oleh peserta. Suara dalam kajian ini ialah suara semula jadi yang dimiliki oleh peserta. Ujaran-ujaran berikut dapat memperlihatkan penggunaan kata-kata pujian tersebut dalam ujaran kritikan:

**Jadual 4: Ujaran Pujian terhadap ciri-ciri hak milik peribadi**

Bil	Ujaran	Kata pujian
1	Suara awak ada <i>tone</i> yang baik, berat, berat ada <i>weight</i>	baik, berat, <i>weight</i>
2	Suara yang manis	manis
3	Yanie, manis senyumanmu.	manis
4	Warna suara kamu cantik.	cantik

Ujaran 1 dalam jadual 4 di atas memperlihatkan penggunaan kata pujian **baik**, **berat** dan **weight** untuk memuji suara peserta. Ujaran 2 pula, perkataan **manis** diujarkan oleh juri untuk memuji suara peserta yang sedap didengar. Hasil kajian juga mendapati bahawa kata **manis** bukan hanya digunakan oleh juri untuk memberi pujian dari segi suara malah digunakan untuk memberi pujian dari segi senyuman peserta yang dipamerkan ketika membuat persembahan.



Situasi ini dapat dilihat dalam ujaran 3. Kata pujian **manis** dalam ujaran 3 digunakan oleh juri dengan lebih tepat, iaitu untuk memuji keindahan senyuman peserta Yanie. Sementara itu, hasil kajian juga mendapati bahawa juri memberi pujian dari sudut sikap dan tingkah laku peserta. Hal ini dapat dilihat melalui ujaran-ujaran seperti di dalam jadual 5.

**Jadual 5: Ujaran Pujian Terhadap Sikap Dan Tingkah Laku**

Bil	Ujaran	Kata pujian
1	Iqa memang bijak <i>tackle</i> penonton	bijak
2	Pija pandai menghayati lagu	pandai
3	Sebenarnya Eiya sangat berani <i>attempt</i> lagu tradisional	berani

Contoh 1 memperlihatkan juri menggunakan kata adjektif **bijak** untuk memberi ciri positif peserta yang berjaya menarik perhatian penonton. Manakala contoh 2 dalam jadual 5 memperlihatkan juri menggunakan kata adjektif **pandai** untuk memuji peserta. Dalam ujaran 3 kata pujian **berani** digunakan oleh juri untuk memberi sifat positif terhadap keberanian dan kemampuan peserta menyanyikan lagu tradisional dalam pertandingan tersebut yang dianggap sukar oleh juri untuk dinyanyikan. Kata berani disertai kata penguat sangat untuk menunjukkan keupayaan peserta yang bersangatan. Hal ini bersesuaian dengan kata-kata Akmar Mohamad (2000) bahawa penutur bahasa Melayu lazimnya akan menggunakan kata penguat untuk memuji.

#### ***Pujian Terhadap Prestasi***

Prestasi didefinisikan sebagai pencapaian atau hasil dan mutu yang diperoleh dalam menjalankan sesuatu tugas. Dalam kajian ini prestasi merujuk kepada pencapaian peserta menguasai kemahiran-kemahiran nyanyian dan persembahan yang ditunjukkan oleh peserta kepada penonton dan juri. Kemahiran-kemahiran tersebut merangkumi pemilihan lagu, penguasaan pentas, kreativiti persembahan, pengawalan suara, nada suara dan penghayatan lagu. Analisis kajian menunjukkan terdapat pelbagai kata pujian yang digunakan oleh juri untuk memberi pujian terhadap prestasi peserta, iaitu **menarik, bagus, elok, cukup, cantik, merdu, sedap, pandai, penuh semangat, mantap, sepenuh jiwa, lunak, bertenaga, hebat, kreatif, bijak dan good**.

Dapatan analisis menunjukkan kata pujian **menarik, baik, bagus, elok, cukup, cantik, mantap, bertenaga, hebat, bijak dan good** digunakan oleh juri untuk memberi pujian dari aspek persembahan peserta pada hari pertandingan. Aspek persembahan dalam kajian ini merujuk kepada apa-apa yang dipersembahkan oleh peserta di atas pentas pertandingan tersebut. Penggunaan kata-kata pujian tersebut dapat dilihat seperti contoh jadual 6.

**Jadual 6: Ujaran Pujian Terhadap prestasi persembahan**

Bil	Ujaran	Kata pujian
1	Sungguh bertenaga persembahan yang kedua.	bertenaga
2	Gimik dari Edry memang cukup lain dari yang lain, menarik	menarik
3	Memang persembahan yang cukup mantap	mantap
4	Mod persembahan <i>yes</i> bagus	bagus

Ujaran-ujaran kritikan di atas memperlihatkan penggunaan kata pujian **bertenaga, menarik, mantap dan bagus** untuk menyatakan kekaguman juri terhadap prestasi persembahan peserta yang dipertontonkan dalam pertandingan. Ujaran kritikan 1 menunjukkan juri memanfaatkan kata pujian **bertenaga** untuk memberi pujian terhadap keupayaan peserta dalam mempersembahkan persembahan keduanya pada pertandingan tersebut. Manakala bagi ujaran 2, juri memberi pujian terhadap gimik persembahan yang lain daripada lain hasil susunan

mentor Edry. Kata-kata pujian yang digunakan ialah **menarik**. Bagi ujaran 3 pula juri menggunakan kata pujian **mantap** untuk memberi ciri positif kepada persembahan peserta. Sementara ujaran 4 memperlihatkan juri memilih kata pujian **bagus** yang membawa makna berkeadaan atau bersifat sangat baik, elok, molek dan indah serta dapat memuaskan hati. Kata pujian **bagus** dalam ujaran 4 diujarkan untuk memberi sifat positif kepada prestasi persembahan peserta yang dikatakan mempunyai peningkatan dari segi mod persembahan.

Kata-kata pujian **baik** dan **bagus**, selain untuk memberi pujian terhadap prestasi persembahan peserta, kajian juga mendapati juri menggunakan kata-kata pujian tersebut untuk memberi pujian terhadap aspek prestasi cara nyanyian seperti pengawalan suara, pengawalan nada lagu, lagu dan penghayatan yang ditunjukkan peserta. Contohnya seperti ujaran berikut:

**Jadual 7: Ujaran Pujian Terhadap Prestasi Cara Nyanyian**

Bil	Ujaran	Kata pujian
1	Jiwa kamu <b>bagus</b> .	bagus
2	Suara Nieyl, <i>pitching</i> takde masalah, saya dengar <b>baik</b>	baik
3	Nabil nyanyi dengan <b>baik</b>	baik
4	Pemilihan lagu <b>bagus</b>	bagus
5	Intro yang sangat <b>kreatif</b> dengan radio props menjadikan nyanyian permulaan lagu pertama yang sangat <b>baik</b>	
6	Bila dia pergi <i>high range</i> dia <b>sedap, lunak</b> , memang kena	
7	Lagu rancak pula <b>pandai</b> membawa diri atas <i>stage</i> ya.	

Kata pujian **bagus** dalam ujaran 1 dan 4 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 7, digunakan oleh juri untuk memberi penilaian positif aspek penghayatan dan pemilihan lagu peserta yang dinilai elok dan baik. Manakala kata pujian **baik** dalam ujaran 2 dan 3 digunakan oleh juri untuk memberi penilaian positif aspek pengawalan tinggi dan rendah nada lagu dan teknik nyanyian peserta yang mempunyai prestasi baik.

Selain aspek persembahan, tahap tenaga, pengawalan tinggi dan rendah nada lagu dan pemilihan lagu peserta, kajian juga mendapati bahawa aspek nyanyian juga diberi pujian oleh juri. Misalnya, kata-kata pujian yang digunakan untuk memuji aspek nyanyian ialah **baik, bagus, merdu, penuh semangat** dan **kreatif**. Manakala aspek penghayatan pula kata-kata pujian yang digunakan oleh juri ialah **bagus, pandai, dan sepenuh jiwa**. Kata pujian **pandai** juga digunakan oleh juri untuk memberi pujian aspek pengawalan pentas peserta. Pengawalan suara peserta juga diberi pujian oleh juri dalam kritikan mereka. Kata-kata pujian yang dikenal pasti untuk memberi pujian terhadap aspek pengawalan suara ialah **baik, sedap** dan **lunak**.

Ujaran 5 memperlihatkan juri menggunakan kata pujian **kreatif** yang digandingkan dengan kata pujian **baik** untuk memberi penilaian positif kepada teknik permulaan persembahan peserta yang dapat membantu meningkatkan kualiti nyanyian peserta. Sementara dalam ujaran 6 kata pujian **lunak** pula didapati telah digandingkan oleh juri dengan kata pujian **sedap**. Tujuan kata pujian **lunak** dan **sedap** diujarkan oleh juri dalam ujaran tersebut ialah untuk memberi pujian aspek pengawalan suara peserta yang sesuai dengan nada lagu sehingga menjadikan nyanyiannya dapat didengar dengan lunak dan sedap. Manakala ujaran 7 memperlihatkan penggunaan kata pujian **pandai** pula digunakan oleh juri untuk memberi pujian terhadap prestasi pengawalan pentas peserta ketika membuat persembahan.

#### ***Analisis Strategi Kesantunan Pujian Dalam Kritikan***

Brown dan Levinson (1987) berpendapat bahawa pujian merupakan salah satu strategi kesantunan yang diaplikasi oleh penutur demi memuji seseorang dari aspek minat, keinginan

dan kebajikannya. Berdasarkan analisis yang dijalankan, pujian eksplisit oleh juri *Mentor TV3* dalam kajian ini jelas menunjukkan bahawa cenderung menepati ciri-ciri strategi kesantunan berekod tanpa penyesuaian. Bentuk ujaran pujian yang langsung, ringkas, tepat mengenai topik serta jelas dengan menggunakan bahasa yang mudah memperlihatkan ciri-ciri kesantunan berekod tanpa penyesuaian. Lazimnya, bentuk ujaran sebegini menggambarkan situasi ancaman muka namun, dalam konteks kritikan juri profesional ini, kasus ini memperlihatkan keadaan juri yang menjalankan tanggungjawabnya sebagai penilai dan pengkritik peserta dengan tujuan menambahbaik prestasi peserta. Peranan dan tanggungjawab yang diberikan oleh penerbit kepada juri telah sedia diketahui oleh peserta, maka ancaman muka seharusnya dapat dihindari. Berdasarkan Brown dan Levinson (1987), strategi berekod tanpa penyesuaian yang digunakan oleh penutur dalam sesuatu peristiwa pertuturan, lazimnya diungkapkan apabila penutur mengetahui bahawa lawan tutur tidak akan berpeluang memberi tindak balas terhadap apa yang diperkatakannya. Hal ini boleh berlaku disebabkan beberapa faktor seperti a) penutur dan lawan tutur menyedari akan sesuatu tindakan yang mendesak untuk penutur melakukannya; b) tahap ancaman muka sangat rendah, iaitu tindakan yang jelas memberi kepentingan kepada lawan tutur; c) penutur mempunyai kekuasaan yang jauh lebih tinggi dibandingkan lawan tutur atau penutur merupakan seseorang yang mendukung peranan yang penting dan boleh mengungkapkan sesuatu secara terang-terangan tanpa khuatir akan kehilangan mukanya sendiri.

Sehubungan itu, mengacu kepada pernyataan Brown dan Levinson (1987) tersebut, maka tindakan juri menggunakan strategi BTP dalam kajian ini kerana peserta tutur, iaitu juri dan peserta masing-masing telah menyedari dan memahami akan kepentingan sesuatu kritikan itu disampaikan secara terus terang oleh juri selaku individu yang diberi peranan dan kuasa untuk mengkritik. Peranan dan kuasa yang diberikan kepada juri ini mendorong juri untuk bebas mengeluarkan pendapat mereka tanpa mengambil kira aspek muka peserta. Peserta pula sememangnya menyedari akan faedah dan kepentingan kritikan yang disampaikan oleh juri. Oleh kerana tindakan mengkritik dalam kajian ini dapat memberi faedah kepada peserta maka tidak berlaku tindakan ancaman muka. Justeru, atas kewajaran tersebut maka dapatlah dirumuskan bahawa penggunaan strategi BTP oleh juri dalam kritikan rancangan *Mentor TV3* merupakan sebagai salah satu usaha juri memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada peserta agar beroleh kejayaan.

Selain itu, dalam kajian ini tujuan sebenar ciri ujaran yang ringkas dan mudah dalam kritikan yang diungkapkan oleh juri adalah untuk mengurangkan kesalahfahaman di kalangan peserta tutur dan pendengar lain kerana ujaran tersebut tidak membawa makna berlapis-lapis. Hal ini selari dengan pendapat Noriati (2005) bahawa pujian yang dituturkan secara ringkas pada waktu yang perlu dan sesuai dianggap lebih baik berbanding pujian yang berlebih-lebihan sehingga boleh mengancam muka orang yang dipuji.

Sementara itu, bagi ujaran pujian yang berbentuk implisit pula, analisis mendapati bahawa pujian ini cenderung menepati ciri-ciri strategi tanpa rekod. Strategi tanpa rekod ialah strategi tidak langsung yang perlu ditafsirkan sendiri oleh penerima pujian. Struktur ayat pujian implisit yang sangat minimal menyebabkan pujian yang diungkapkan perlu ditafsirkan sendiri oleh penerima pujian. Misalnya, bagi ujaran “wow, terbaik!”, kata pujian **terbaik** tidak dapat memperlihatkan kejelasan dan kelangsungan dalam pujian tersebut. Penerima pujian tidak dapat mengenal pasti perkara yang dipuji oleh juri kerana ujaran ini terlalu minimal.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, didapati bahawa juri-juri rancangan *Mentor TV3* telah mengungkapkan pujian eksplisit dan implisit untuk menyampaikan kritikan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pujian diberikan oleh juri hanya pada perkara yang relevan dengan tujuan diujarkan, iaitu memberi galakan dan inspirasi untuk terus mempertingkatkan prestasi nyanyian dan persembahan peserta. Hal ini terbukti apabila juri memberi pujian terhadap personaliti dan prestasi peserta yang ditunjukkan dalam persembahan mereka sahaja, tanpa melihat elemen-elemen lain seperti persekitaran dan kewibawaan mentor yang membimbing mereka.

Di samping itu, strategi ini juga dapat menunjukkan bahawa penutur, iaitu pengkritik menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang juri dan pengkritik yang jujur, telus dan terbuka untuk memberi pujian secara terang-terangan. Secara tidak langsung, juri akan dapat mengelakkan dirinya daripada tanggapan memanipulasikan maklumat, sekali gus meletakkan dirinya sebagai seorang juri yang dipercayai oleh peserta dan khalayak pendengar. Memandangkan juri diamanahkan sebagai penilai dan pengkritik dalam rancangan realiti, maka pujian yang disampaikan merupakan galakan dan inspirasi yang bertujuan memotivasi dan mendorong peserta mengulangi dan mempertingkatkan prestasi yang positif. Secara tidak langsung juga, pujian dapat mengiktiraf usaha peserta dan sekaligus menggembirakan peserta dan pendengar lain. Hakikat ini apabila difahami oleh kesemua peserta tutur yang terlibat dalam peristiwa kritikan, maka tindakan ancaman muka akan dapat dihindari dan seterusnya mewujudkan situasi bebas konflik dalam kritikan.

## Rujukan

- Akmar Mohamad (2000). Pujian dalam bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*. 44 (1). Hlm.79-90.
- Asmah Hj. Omar.(2007). *Kesantunan bahasa dalam pengurusan pentadbiran media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P. & Levinson, S. C. (1987). *Politeness some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hashim Musa. (2008). *Hati budi Melayu. Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Herbert, R. K. (1997). The sociology of compliment work: An ethnocontrastive study of Polish and English compliments. In N. Coupland., and A. Jaworski. (ed.) *Sociolinguistics: A reader and coursebook*. New York: St Martin's Press, INC.
- Herzberg, F. (1974). *Work and the nature of man*. Granada: Publishing Ltd.
- Holmes, J. (2003). Complimenting: A positive politeness strategy in Sociolinguistic: *The essential readings*. Hlm 177-197. Oxford: Blackwell Publisher
- Itakura & Tsui. (2011). Evaluation in academic discourse: Managing Criticism in Japanese and English book reviews. *Journal of Pragmatics*, 43. Hlm.1366-1379.
- Noriati Abd. Rashid. (2005). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rita Susanti & Maduma Siregar. (2010). Tindak tutur memuji bahasa Jepang di kalangan wanita Jepang. *Jurnal Lingua Cultura*, 4 (1).Hlm 78-79.
- Rusli Ahmad & Abang Ishar Yaman. (2010). *Kata-kata pujian dan peningkatan prestasi akademik pelajar*. Sarawak: Penerbit UNIMAS.
- Wierzbicka, A. (1987). *English Speech Act Verbs: A Semantic Dictionary*. New York: Academic Press.
- Wolfson, N. (1981). Compliments in cross-cultural perspectives. *TESOL Quarterly* 15(2), 117-123.

- Wolfson, N. (1983). An Empirically based analysis of complimenting in American English. In Wolfson, N., & E. Judd (Eds.), *Sociolinguistics and Language Acquisition*, 82-95. Rowley, MA: Newbury House.
- Ye, L. (1995). Complimenting in mandarin Chinese. Kasper, G. (ed). *Pragmatics of Chinese as native and target language*. Manoa, Hawaii: University of Hawaii Press. 207-302.
- Zhang, T.T. (2007). *Gender differences in realization patterns of compliments the Chinese Speech communication*. Disertasi Sarjana, University of Beijing, 2007.